

20/09/1998

Jawatankuasa Disiplin bincang ahli ingkar

BALING: Jawatankuasa Disiplin dan Pengurusan Umno yang akan bermesyuarat akhir bulan ini akan membincangkan tindakan ahli parti yang tidak mematuhi keputusan Majlis Tertinggi (MT) berhubung isu pemecatan Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Pengerusi bersama jawatankuasa itu, Datuk Seri Najib Razak berkata perkara itu adalah antara agenda yang perlu dibincangkan kerana masih ada ahli parti yang ingkar dengan keputusan MT.

Beliau yang juga Naib Presiden Umno dan Menteri Pendidikan berkata, jawatankuasa itu juga boleh mengemukakan cadangan mengenai tindakan yang perlu dikenakan terhadap mereka terbabit.

"Kita perlu bincang isu ahli Umno kerana masih ada yang ingkar keputusan MT. Kita juga boleh buat cadangan (bentuk tindakan) tetapi kuasa memutuskannya ditentukan oleh MT.

"Kita cuma beri pandangan dan cadangan," katanya ketika ditemui selepas majlis penerangan Sekolah Model Khas Baling, di sini semalam.

Selain ahli biasa parti, beberapa pemimpin tertinggi Umno dikatakan memberi sokongan terbuka kepada Anwar. Antara yang dikaitkan ialah Ketua Pergerakan Pemuda Umno, Datuk Ahmad Zahid Hamidi dan Ketua Pemuda Umno Negeri Sembilan, Ruslan Kassim.

Semalam, ketika di Langkawi, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengesahkan pelantikan Najib dan seorang lagi naib presiden parti, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi sebagai pengerusi bersama jawatankuasa berkenaan.

Mereka menggantikan Anwar yang dipecat daripada Umno awal bulan ini selepas MT membuat ketetapan beliau tidak sesuai menjadi timbalan presiden dan ahli parti kerana terbabit kegiatan salah laku moral.

(END)